

# Kertas Bil. 8/2022



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR  
(SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE  
MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR  
(JPK-SAS)**

**BERHUBUNG PROJEK BAGI MENGHUBUNGKAN  
HORAS 600 KE LOJI RAWATAN AIR (LRA) SSP 1, 2, 3 &  
RANTAU PANJANG DAN OFF RIVER STORAGE KE LRA  
SEMENYIH**

---

## **KANDUNGAN**

| <b>BIL</b> | <b>PERKARA</b>   | <b>HALAMAN</b> |
|------------|--|----------------|
| 1          | Pendahuluan  | 1              |
| 2          | Latar Belakang   | 1              |
| 3          | Keterangan   |                |
|            | 3.1    Latar Belakang  | 2              |
|            | 3.2    Fakta   | 4              |
| 4          | Penemuan Jawatankuasa  | 5              |
| 5          | Saranan Jawatankuasa   | 5              |
| 6          | Perakuan   | 6              |
|            | Ahli-Ahli Jawatankuasa   | 7              |
|            | Urus setia   | 7              |
|            | Lampiran 1 (Senarai Saksi)   | 8              |
|            | Lampiran 2 (Perincian Anggaran Kos)  | 9              |
|            | Lampiran 3 (Perincian pakej kerja penyambungan HORAS 600 ke<br>Loji Rawatan Air (LRA) SSP 1, 2, 3) | 10             |

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR  
SELANGOR BERHUBUNG**  
**PROJEK BAGI MENGHUBUNGKAN HORAS 600 KE LOJI RAWATAN AIR (LRA)  
SSP 1,2,3 & RANTAU PANJANG DAN OFF RIVER STORAGE KE LRA SEMENYIH**  
**BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas Tahun 2022 pada 14 Mac 2022 hingga 25 Mac 2022.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. JPK-SAS telah mengadakan Pendengaran Tertutup pada 29hb Disember 2020 dan 28hb September 2021 berkenaan projek bagi menghubungkan HORAS 600 ke Loji Rawatan Air (LRA) SSP 1, 2, 3 & Rantau Panjang dan Off-River Storage (ORS) ke LRA Semenyih. Sesalinan saksi untuk setiap agensi dilampirkan sebagai **Lampiran 1**:
  - 2.1.1. Air Selangor
  - 2.1.2. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
  - 2.1.3. Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)
  - 2.1.4. Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)
  - 2.1.5. Jabatan Audit Negeri Selangor
  - 2.1.6. Majlis Perbandaran Sepang (MPSp)
  - 2.1.7. Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)
- 2.2. JPK-SAS juga mengambil perhatian bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) tidak hadir walaupun dijemput.
- 2.3. Ahli Jawatankuasa yang terlibat ialah:

- 2.3.1. Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze  
(ADN Kawasan Subang Jaya)
- 2.3.2. Y.B. Tuan Leong Tuck Chee  
(ADN Kawasan Pandamaran)
- 2.3.3. Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar  
(ADN Kawasan Meru)
- 2.3.4. Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi  
(ADN Kawasan Sijangkang)
- 2.3.5. Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George  
(ADN Kawasan Sentosa)
- 2.3.6. Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi  
(ADN Kawasan Kota Anggerik)
- 2.3.7. Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar  
(ADN Kawasan Batang Kali)

### **3. KETERANGAN**

#### **3.1. Latar Belakang**

- 3.1.1. Semasa pendengaran Jawatankuasa pada 19hb Mei 2020 dan 21hb Mei 2020 berkenaan pencemaran sehingga menyebabkan henti tugas tidak berjadual LRA dan pembekalan air semasa kecemasan, Jawatankuasa dimaklumkan oleh Air Selangor bahawa sambungan HORAS 600 kepada LRA tidak dilaksanakan semasa pembinaan kerana isu kos dan terdapatnya isu kejuruteraan.
- 3.1.2 Semasa pendengaran Jawatankuasa pada 29hb Disember 2020 dan 28hb September 2021, Jawatankuasa dimaklumkan oleh Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bahawa idea penyambungan HORAS 600 kepada LRA pernah dibincangkan secara tidak formal di mesyuarat peringkat awal antara agensi-agensi bersama mantan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim berkenaan pembinaan HORAS 600. Walaubagaimanapun, ia tidak diteruskan, dikaji secara mendalam dan tidak dibentangkan secara formal kepada Kerajaan Negeri pada waktu itu kerana kos sediada untuk pembinaan HORAS 600 dengan reka bentuk yang menyambung ke Sungai Selangor sudah tinggi. Oleh itu, kos sediada menunjukkan kemungkinan bahawa kos untuk menyambung HORAS 600 ke LRA adalah lebih tinggi.

- 3.1.3. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa cadangan untuk menyambung HORAS 600 atau ORS kepada LRA supaya sumber air di dalamnya boleh dijadikan bekalan kecemasan pernah dicadangkan melalui Kertas Bilangan 3/2017, Penyata JPK-SAS "Kualiti: Post-Mortem Pencemaran Air di Sungai Semenyih".
- 3.1.4. Semasa Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Keempat Belas Tahun 2020 ("**Sidang Dewan tersebut**"), Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semasa ucapan Belanjawan 2021 mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan melaksanakan projek pengepaman air mentah dari kolam takungan HORAS di Sungai Selangor dan Kolam Takungan (Pond C) di Sungai Semenyih. Ucapan tersebut juga mengumumkan bahawa sebanyak RM200 juta akan diperuntukkan untuk tujuan tersebut.
- 3.1.5. Pada masa yang sama, Jawatankuasa juga semasa Sidang Dewan tersebut menerima Maklumbalas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor Berhubung Pencemaran Sumber Air Sehingga Menyebabkan Henti Tugas Tidak Berjadual Loji-Loji Rawatan Air dan Pembekalan Semasa Kecemasan Kertas Bilangan 13/2020. Maklumbalas daripada Air Selangor memaklumkan bahawa anggaran kos bagi mengepam air mentah daripada HORAS 600 ke LRA SSP1, 2, 3 adalah sebanyak RM763 juta. Semasa pendengaran, Air Selangor menjelaskan bahawa anggaran tersebut adalah berdasarkan *desktop analysis* dan perlu dilakukan kajian kebolehlaksanaan bagi menentukan kos sebenar pelaksanaan projek tersebut. Air Selangor juga mengesahkan bahawa anggaran kos RM763 juta tersebut adalah maklumbalas kepada penyata Jawatankuasa semata-mata dan tidak pernah dibentangkan secara formal kepada Kerajaan Negeri.
- 3.1.6. Jawatankuasa berpandangan bahawa terdapatnya keperluan untuk meneliti isu ini, memandangkan bahawa sambungan HORAS 600 ke LRA kini boleh dilaksanakan dengan kos yang munasabah dan reka bentuk yang tidak memerlukan kejuruteraan paip, namun ianya tidak dilaksanakan pada peringkat awal akibat dikatakan isu kewangan dan kejuruteraan. Selain itu, keutamaan Kerajaan Negeri pada waktu itu adalah untuk mengatasi kemarau. Terdapat kerisauan pada masa pembinaan HORAS 600 juga bahawa penyambungan melalui paip akan memerlukan kelulusan pihak SPAN kerana kerja penyambungan memerlukan henti tugas LRA. Jika penyambungan HORAS ke LRA dilaksanakan pada peringkat awal, Kerajaan Negeri berkemungkinan besar dapat mengelakkan keperluan henti tugas LRA akibat pencemaran sungai.

### **3.2. Fakta**

#### **Air Selangor**

- 3.2.1. Pihak Air Selangor memaklumkan bahawa anggaran kos sambungan HORAS 600 ke Loji Rawatan Air (LRA) SSP 1, 2, 3 adalah sebanyak RM763 juta adalah berdasarkan *desktop analysis* berdasarkan *preliminary idea* yang dibuat sebagai Maklumbalas Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor Berhubung Pencemaran Sumber Air Sehingga Menyebabkan Henti Tugas Tidak Berjadual Loji-Loji Rawatan Air dan Pembekalan Semasa Kecemasan Kertas Bilangan 13/2020. Perincian Kos dilampirkan sebagai **Lampiran 2**.
- 3.2.2. Jumlah tersebut tidak merangkumi penyambungan ke Rantau Panjang ataupun sambungan ORS ke LRA Semenyih.

#### **Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri**

- 3.2.3. Menurut Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri, anggaran kos sebanyak RM175 juta diperlukan untuk penyediaan fasiliti bagi menghubungkan HORAS 600 ke LRA SSP 1, 2, 3 & Rantau Panjang dan ORS ke LRA Semenyih.
- 3.2.4. Berbeza dengan reka bentuk yang pada asalnya dicadangkan oleh Air Selangor yang memerlukan pengambilan tanah, pembinaan paip dan penggunaan pam submersible, reka bentuk terkini menggunakan pam Archimedean, collapsible weir dan pembinaan lengcongan sungai. Sila lihat **Lampiran 3** untuk maklumat terperinci.
- 3.2.5. Kos reka bentuk berbanding dengan *desktop analysis* oleh Air Selangor lebih rendah kerana tidak melibatkan kos pengambilan tanah dan kejuruteraan paip malah air dari HORAS 600 akan disalurkan melalui Sungai Selangor ke LRA SSP 1, 2 dan 3.
- 3.2.6. Seksyen Makro juga memaklumkan bahawa cadangan untuk menyambung HORAS 600 ke LRA pernah dibincangkan secara *informal* sahaja semasa mesyuarat berkenaan pembinaan HORAS 600. Idea tersebut pernah dibangkitkan oleh mantan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim. Walaubagaimanapun, cadangan tersebut tidak dikaji secara mendalam dan dibentangkan secara formal kerana kos untuk membina HORAS 600 menunjukkan kemungkinan bahawa kos untuk menyambungkannya kepada LRA akan menjadi sangat tinggi. Selain itu, fokus Kerajaan Negeri pada masa itu adalah untuk mengatasi masalah kemarau.

## **Majlis Perbandaran Sepang (MPSp) & Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)**

- 3.2.7. Setakat pendengaran 29hb Disember 2020, MPSp dan MDKS memaklumkan bahawa mereka belum menerima apa-apa permohonan. Mereka juga menasihatkan seperti biasa bahawa permohonan Kebenaran Merancang diperlukan, yang kemudian akan dipertimbangkan oleh Ahli-Ahli Mesyuarat "One-Stop Centre".
- 3.2.8. MPSp dan MDKS mencadangkan agar mereka dilibatkan pada peringkat awal supaya sebarang komen, jika ada, boleh dikemukakan dan diselesaikan pada peringkat awal, memandangkan sasaran Kerajaan Negeri adalah untuk projek ini disiapkan dalam masa 18 bulan.
- 3.2.9. Dalam perkara ini, Jawatankuasa mengambil perhatian bahawa jangka masa biasa yang diperlukan untuk meluluskan suatu Kebenaran Merancang adalah 40 hari, manakala jadual kerja Seksyen MAKRO memperuntukkan 16 hari untuk kelulusan pihak berkuasa.

## **4. PENEMUAN JAWATANKUASA**

- 4.1. Isu kos dan reka bentuk yang dikatakan menjadi halangan untuk HORAS 600 disambung ke LRA SSP 1, 2, dan 3 pada peringkat pembinaan harus dijadikan pengajaran kepada Kerajaan Negeri, memandangkan ia kini boleh dilaksanakan dengan reka bentuk yang lebih ringkas dengan kos yang munasabah. Kerajaan Negeri wajar bertindak lebih proaktif dan berpandangan jauh dalam merancang sumber air di negeri Selangor, terutamanya memandangkan pencemaran sungai sehingga menyebabkan henti tugas LRA berlaku seawal tahun 2015.
- 4.2. Kerajaan Negeri juga seharusnya bertindak atas saranan penyata jawatankuasa dalam merancang sumber air di negeri Selangor, dalam perkara ini, saranan JPK SAS pada 2017 telahpun mencadangkan penyambungan HORAS 600 ke LRA.
- 4.3. Jika Kerajaan Negeri proaktif, berpandangan jauh dan bertindak atas saranan JPK, kebanyakannya hentitugas yang dialami antara tahun 2018 hingga 2021 mungkin dapat dielakkan.

## **5. SARANAN JAWATANKUASA**

- 5.1. Kerajaan Negeri hendaklah sentiasa berpandangan jauh dalam meneliti perancangan dan mengurus sumber air di Negeri Selangor secara

menyeluruh. Dalam perkara pencemaran air, Kerajaan Negeri wajar melaksanakan penilaian risiko pencemaran terkini dan masa hadapan mengikut ramalan pembangunan yang akan berlaku di hulu LRA-LRA. Perancangan tindakan sewajarnya harus dilakukan sekarang. Jangan bertindak hanya apabila nasi sudah menjadi bubur.

- 5.2 Jawatankuasa berharap agar Kerajaan Negeri mengambil iktibar daripada pengalaman ini. Dalam keadaan di mana terdapatnya cabaran kos ataupun reka bentuk untuk apa-apa projek, Kerajaan Negeri ataupun agensi berkenaan wajar mendapatkan nasihat ataupun cadangan perunding lain untuk mengesahkan nasihat atau cadangan awal.
- 5.3 Jawatankuasa mencadangkan agar Kerajaan Negeri dapat memastikan semua LRA yang akan dibina dilengkapi dengan fasiliti sumber air kecemasan dan bagi LRA yang belum dilengkapi dengan fasiliti sumber air kecemasan, Kerajaan Negeri perlu membina kelengkapan tersebut. Fasiliti sumber air kecemasan perlu diambil kira dalam reka bentuk dari peringkat awal bagi LRA baru.
- 5.4 Jawatankuasa menyarankan agar kajian dibuat untuk menyambung kolam sedia ada ke LRA terdekat, jika belum, supaya LRA mempunyai bekalan air kecemasan.
- 5.5 Jawatankuasa di sini ingin menegaskan keperluan untuk menjayakan projek penyambungan HORAS 600 ke Loji Rawatan Air SSP 1, 2, dan 3 dalam masa yang paling singkat (tanpa menjaskan kualiti kerja). Oleh itu, Jawatankuasa menyarankan agar semua agensi yang mungkin terlibat dalam projek ini, termasuk UPEN, Air Selangor, LUAS, SPAN, MPSp, MDKS dilibatkan pada peringkat awal untuk menyegerakan proses pelaksanaan.

## 6. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS). Penyata ini dimuktamadkan dan diluluskan oleh JPK-SAS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 2/2022 pada 25 Januari 2022.

Disahkan oleh:

.....  
Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze  
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Air Selangor  
(JPK-SAS)

## **AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pengurusan Sumber Air Selangor (JPK-SAS):

- |    |   |           |
|----|---|-----------|
| 1) | Y.B. Puan Michelle Ng Mei Sze<br>(ADN Kawasan Subang Jaya)        | Pengerusi |
| 2) | Y.B. Tuan Leong Tuck Chee<br>(ADN Kawasan Pandamaran)             | Ahli      |
| 3) | Y.B. Tuan Mohd Fakhrulrazi bin Mohd Mokhtar<br>(ADN Kawasan Meru) | Ahli      |
| 4) | Y.B. Dato' Dr Ahmad Yunus bin Hairi<br>(ADN Kawasan Sijangkang)   | Ahli      |
| 5) | Y.B. Tuan Gunarajah A/L R George<br>(ADN Kawasan Sentosa)         | Ahli      |
| 6) | Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi<br>(ADN Kawasan Kota Anggerik)   | Ahli      |
| 7) | Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar<br>(ADN Kawasan Batang Kali)    | Ahli      |

## **URUS SETIA**

- i) Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar  
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhamjirih bin Ahmad  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Puan Nurul Liana Binti Musa  
Setiausaha Pejabat
- iv) Cik Siti Khadijah Binti Maarof  
Pegawai Penyelidik
- v) Encik Nik Muhammad Syaamil Bin Nik Ismail  
Pegawai Penyelidik

## **LAMPIRAN 1**

Senarai saksi untuk setiap agensi yang terlibat adalah seperti berikut:-

### **Wakil daripada Pengurusan Air Selangor**

Encik Basar bin Ishak, Ketua Jabatan Pengeluaran

Encik Maimal Faiz bin Abdul Malik, Ketua Seksyen Strategy & Performance

Encik Jaffry bin Rabu Vice President II, Water Resource Unit-Production Department

### **Wakil daripada Lembaga Urus Air Selangor**

Puan Haslina binti Ameri, Ketua Penolong Pengarah

### **Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)**

Ybrs. Tuan Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

### **Wakil daripada Seksyen Makro dan Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**

Encik Hamizam bin Abdulla Zabidi @S Ahmad Zawawi, Timbalan Pengarah

Puan Mazidah binti Hmad Ramli Ketua Penolong Pengarah

Encik Muhammad Hilmi bin Ismail Penolong Pengarah

### **Wakil daripada Jabatan Audit Negeri Selangor**

Tuan Abdul Ghani bin Sulaiman, Ketua Jabatan Audit Negeri Selangor

### **Wakil daripada Majlis Perbandaran Sepang**

Encik Mohd Shazril Asraf bin Abdul Halim Penolong Jurutera

### **Wakil daripada Majlis Daerah Kuala Selangor**

Puan Saidah binti Mahmud Penolong Pegawai Perancang Bandar

Puan Umi Zuhirah binti Ramlan Penolong Pegawai Perancang Bandar

## LAMPIRAN 2

Perincian Anggaran Kos sambungan HORAS 600 ke Loji Rawatan Air (LRA) SSP 1, 2, dan 3.



| NO. | SKOP KERJA   | ANGGARAN KOS (RM)     |
|-----|--|-----------------------|
| 1.  | <b>Construction of New Raw Water Pumping System (RM215,000/MLD)</b>  | 655,750,000.00        |
|     | a. Preliminaries Work <ul style="list-style-type: none"> <li>• General &amp; Preliminary works</li> </ul>  | 32,787,500.00         |
|     | b. Civil Works (3050 MLD) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Earthworks</li> <li>• Civil &amp; Structure Work</li> <li>• Intake Structure And Jetty For Submersible Pump</li> </ul>  | 373,777,500.00        |
|     | c. Mechanical & Electrical Works <ul style="list-style-type: none"> <li>• Supply and Install Pump set With 3050 MLD Capacity</li> <li>• Switch House and Other Mechanical and Electrical Works</li> </ul>  | 249,185,000.00        |
| 2.  | <b>New Raw Water Pipeline (Pumping line)</b><br><b>(2500mm x 3 x 2km) – (RM12,000/m)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Supply &amp; lay 3 numbers of pipe 2500mm DIA with each length 2km.</li> <li>• 4 Point Interconnection pipe 2500mm x 2100mm including installation valve &amp; chamber</li> <li>• 2 Point Interconnection pipe 2500mm x 2000mm including installation valve &amp; chamber</li> </ul> | 72,000,000.00         |
|     | <b>Sub-Jumlah</b>  | <b>727,750,000.00</b> |
| 3.  | Land acquisition (Pipe alignment - 10 ha)  | 30,000,000.00         |
| 4.  | Authority's permit   | 5,250,000.00          |
|     | <b>JUMLAH</b>  | <b>763,000,000.00</b> |

Note :

- The costs stated above are based on estimation. Further feasibility study should be carried out by the Consulting Engineer as well as the design and construction requirements.

JPKSAS | 2

### **LAMPIRAN 3**

Alternatif sambungan HORAS 600 ke Loji Rawatan Air (LRA) SSP 1, 2, 3 dengan reka bentuk menggunakan pam Archimedean, collapsible weir dan pembinaan lencongan sungai (reka bentuk yang tidak memerlukan kejuruteraan paip).

### **Pakej Kerja**

|                |   |
|----------------|---|
| <b>Pakej A</b> | Kerja-kerja pembekalan, pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan sistem Pengepaman Archimedean Pump dan kerja-kerja lain berkaitan di Kolam HORAS 600 Kampong Sg. Darah, Bestari Jaya, Kuala Selangor |
| Pakej B        | Kerja-kerja pembekalan, pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan sistem Pengepaman Archimedean Pump dan kerja-kerja lain berkaitan di muka sauk Loji Rawatan Air Rantau Panjang, Kuala Selangor       |
| Pakej C        | Kerja-kerja pembinaan pelencongan sungai, pembekalan, pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan dan kerja-kerja lain berkaitan di muka sauk Loji Rawatan Air SSP 1, 2 & 3 Bestari Jaya, Kuala Selangor |
| Pakej D        | Kerja-kerja pembekalan, pemasangan, Pengujian dan Pentauliahan sistem Pengepaman Archimedean Pump dan kerja-kerja lain berkaitan di muka sauk Loji Rawatan Air Sungai Semenyih, Jenderam Hiliar     |

